


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 JANUARI 2019  
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	NGERI PESAWAT 'ATAS KEPALA'	2
UTUSAN MALAYSIA	IBU TUNGGAL TABAH JAGA ANAK ALAMI MASALAH SARAF	3
BERITA HARIAN	PENDUDUK RISAU PESAWAT TERBANG RENDAH, BUNYI BISING	4



# HARIAN METRO

*Harian metro*  
3/1/19

**PESAWAT komersial berlepas dan tiba dari Lapangan Terbang Changi Singapura yang dapat dilihat di ruang udara Kampung Tanjung Langsat, Pasir Gudang.**

## Ngeri pesawat ‘atas kepala’

■ Penduduk risau pelaksanaan tatacara sistem ILS di Lapangan Terbang Seletar

Moh Fahmi Mohd Yusof  
mohfahmi@NSTP.COM.MY

**Pasir Gudang**

**O**rang ramai sekitar kawasan ini menyuarakan kebingungan susulan pelaksanaan tatacara Sistem Pendataran Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar di Singapura yang berkutu kuasa hari ini.

Tinjauan di sekitar kawasan ini terutama di Kampung Tanjung Langsat di sini, mendapati rata-rata penduduk bimbang dengan jarak penerbangan kapal terbang terlalu rendah selain bunyi yang bising.

“Terfikir juga macam-macam perkara apabila melihat pesawat terbang terlalu rendah, bimbang jika berlaku apa-apa dan terhempas,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pekerja swasta, Noraisha Othman, 34, berkata, setiap kali terlihat pesawat terbang rendah di perairan Pasir Gudang dan Pengerang setiap

lima minit.

Pemandu lori, Suahary Ahmad Moin, 43, berkata, sepanjang bertugas di kawasan Pasir Gudang, banyak pesawat terbang rendah terutama di kawasan perairan, namun tidak dapat dipastikan sama ada ia baru berlepas atau mahu mendarat di Singapura.

“Kebiasaannya daripada kefahaman saya sendiri semua kapal terbang itu adalah tujuan komersial dan biasanya menuju atau terbang dari Lapangan Terbang Changi di Singapura.

“Terfikir juga macam-macam perkara apabila melihat pesawat terbang terlalu rendah, bimbang jika berlaku apa-apa dan terhempas,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

“Kalan kapal terbang, di sini ramai datang untuk melihat ia terbang rendah terutama di jeti hujung kampong ini, namun dari segi bunyi bagi kami tidaklah

Gudang, pasti dia akan bersifat bimbang dan ngeri.

- “Negeri rasa bila lihat ia atas kepala pesawat begitu dekat terbang dan kadang kala terfikir juga keselamatan penduduk di sini.”


“Sepatutnya laluan pendataran perlu ditetapkan jauh dari kawasan pemerlukan bagi memastikan keselamatan penduduk,” kata Ibrahim Ramli

mengganggu sangat.

“Masalah timbul bila ada jet pejuang daripada Singapura yang masuk ke ruang udara di sini, tidaklah kerap tetapi pernah dan ia sedikit memberi gangguan bunyi, namun saya difahamkan dari aspek pertahanan perjanjian dibuat antara Malaysia dan Singapura. Itu saya tidak tahu macam mana.”

Sementara itu, penduduk Kampung Tanjung Langsat, Ibrahim Ramli, 69, berkata, bagi penduduk di sini pulak berbeza penerimaannya dan menganggap kehadiran kapal terbang itu sebagai tarian yang dinantikan terutama buat kanak-kanak di kampung berkenaan.

“Kalau kapal terbang, di sini ramai datang untuk melihat ia terbang rendah terutama di jeti hujung kampong ini supaya ia tidak menimbulkan sebarang masalah di kemudian hari nanti,” katanya.

# UTUSAN MALAYSIA

## Ibu tunggal tabah jaga anak alami masalah saraf

Oleh MOHD. KHAIRUL  
MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

### ■ PASIR GUDANG 2 JAN.

**S**EORANG ibu tunggal kepada tiga anak memerlukan bantuan dalam meringankan beban dihadapinya kerana dua anaknya tidak normal seperti kanak-kanak lain.

Nurul Ain Zakaria, 33, kini, tidak dapat bekerja bagi menjaga anak-anaknya dan hanya bergantung kepada wang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM1,000 sebulan.

Menurutnya, jumlah berkenaan bagaimanapun tidak dapat menampung kehidupan mereka seluruhnya kerana perlu menampung kos perubatan dua anak serta kos persekolahan.

"Anak sulung saya, Nur Adriana Aqilah Mohamad Fairuz yang berusia 10 tahun mengalami masalah saraf yang turut mengganggu ingatannya.

"Sementara anak ketiga saya, Nur Aurora Darmaya berusia lima bulan mengalami masalah kegagalan pernafasan selain penyakit kekejangan otot sejak dilahirkan," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Air Biru di sini semalam.

Selain Nur Adriana Aqilah dan Nur Aurora Darmaya, Nurul Ain turut memiliki seorang lagi



CHE ZAKARIA MOHD. SALLEH (kiri) menyampaikan sumbangan barang keperluan kepada Nurul Ain Zakaria (dua dari kiri) sambil diperhatikan Nur Adriana Aqilah (dua dari kanan) dan Mohamad Izz Darwisy di Johor Bahru, kelmarin. —BERNAMA

anak iaitu Mohamad Izz Darwisy yang kini berusia 8 tahun.

Nurul Ain berkata, perbelanjaan bulanan banyak dihabiskan untuk perubatan kedua-dua anaknya yang kurang sihat.

"Perbelanjaan bagi Nur Aurora Darmaya adalah untuk minumannya iaitu susu khas se-lain kos lampin pakai buang dan pengangutan untuk ke hospital-


tal kerana saya tidak memiliki kenderaan.

"Bagi Nur Adriana Aqilah pula, perbelanjaannya adalah membabitkan ubat yang perlu diambil untuk mengawal emosinya yang sering terganggu khususnya ketika tertekan, contohnya apabila berada di tempat ramai orang," katanya.


Prihatin dengan dugaan diha-

dapi ibu tunggal ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas, Datuk Che Zakaria Mohd. Salleh menziarahi keluarga berkenaan sambil menyampaikan sumbangan.

"Saya akan membantu Nurul Ain dan anak-anaknya bagi mengurangkan beban perbelanjaan perubatan dan persekolahan anaknya," katanya.



# BERITA HARIAN



[ FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM / BH ]

## Penduduk risau pesawat terbang rendah, bunyi bising

**Pasir Gudang:** Orang ramai di sekitar kawasan ini menyuarakan kebimbangan susulan pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar di Singapura yang berkuat kuasa hari ini.

Tinjauan BH di sekitar kawasan ini terutama di Kampung Tanjung Langsat di sini, mendapati penduduk bimbang dengan laluan penerbangan pesawat yang terlalu rendah untuk mendarat selain bunyi bising.

Beberapa pesawat yang tidak dapat dipastikan sama ada dari Lapangan Terbang Changi atau Lapangan Terbang Seletar di Singapura, dilihat terbang rendah di perairan Pasir Gudang dan Pengkraang setiap lima minit.

Pemandu lori, Suhairy Ahmad Moin, 43, berkata sepanjang bertugas di kawasan Pasir Gudang, banyak pesawat terbang rendah terutama di kawasan perairan,

namun tidak dapat dipastikan sama ada ia baru berlepas atau mahu mendarat di Singapura.

### Berasa bimbang, ngeri

"Kebiasaananya daripada kefahaman saya sendiri semua kapal terbang ini adalah pesawat komersial dan biasanya menuju atau dari Lapangan Terbang Changi di Singapura.

"Kadang terfikir juga macam-macam perkara apabila melihat pesawat terbang terlalu rendah, bimbang jika berlaku apa-apa," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pekerja swasta, Noraisha Othman, 34, berkata setiap kali melihat pesawat terbang rendah dalam ruang udara Pasir Gudang, pasti dia akan berasa bimbang dan ngeri.

"Ngeri rasa apabila lihat di atas kepala pesawat terbang rendah dan kadang-kala terfikir juga kese-

lamatan penduduk di sini. Sepertinya jaluan pendaratannya perlu ditetapkan jauh daripada kawasan penempatan bagi memastikan keselamanan penduduk," katanya.

Penduduk Kampung Tanjung Langsat, Ibrahim Ramli, 69, berkata ramai yang datang ke jeti hujung kampung itu melihat pesawat yang terbang rendah.

"Bagaimanapun, masalah timbul apabila ada jet pejuang dari Singapura yang masuk ke ruang udara di sini, tidaklah kerap tetapi pernah ada dan ia memberi gangguan bunyi, namun saya difahamkan dari aspek pertahanan perjanjian sudah dibuat antara Malaysia dan Singapura. Itu saya tidak tahu macam mana."

"Tetapi jika ia membabitkan masalah keselamatan negara, saya fikir kerajaan perlu segera selesaikan konflik ini supaya ia tidak menimbulkan sebarang masalah di kemudian hari nanti," katanya.

**Antara pesawat komersial berlepas dan tiba** dari Lapangan Terbang Changi di Singapura yang dapat dilihat di ruang udara Kampung Tanjung Langsat, Pasir Gudang, semalam.

BH 31/1/19

